

NAMA :

KELAS :



JABATAN PELAJARAN NEGERI SABAH

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011

1103/2

EXCEL 2

BAHASA MELAYU

Kertas 2

OGOS 2011

2 JAM 30 MINIT

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c) dan Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi **10** halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah

Soalan 1: Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **kebaikan pokok putat** dan **cara-cara untuk memajukan industri tanaman herba**. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi **120** patah perkataan.

Pokok putat merupakan pokok yang tumbuh liar di kawasan tanah bencah dan kawasan tebing sungai. Ketinggian pokok putat boleh mencapai sehingga 28 meter. Tumbuhan ini boleh dijumpai di kebanyakan negara di Asia Tenggara, terutama di sekitar sungai dan parit. Tumbuhan ini terkenal kerana digunakan dalam perubatan tradisional untuk rawatan batuk.

Selain itu, kajian yang dilakukan juga menunjukkan bahawa biji tumbuhan ini mampu merawat penyakit ulser. Daun putat berbentuk bujur, panjang, dan tebal. Pucuk putat lembut dan berwarna keunguan dikatakan mempunyai khasiat perubatan yang boleh dijadikan penawar bagi patukan ular dan gigitan tikus. Pucuk putat rasanya sedikit kelat dan lemak serta sesuai dimakan bersama-sama budu. Pucuk putat bukan sahaja menjadi kegemaran serangga tetapi dijadikan ulam oleh masyarakat kampung khususnya, di Kelantan. Ulam pokok putat merupakan ulam yang *sukar diperoleh* kerana pokok putat hanya mengeluarkan pucuk setahun sekali. Walaupun begitu, masyarakat kampung masih tidak menyedari akan kebaikan pucuk putat menyebabkan pokok putat kian terabai lalu mengalami kepupusan.

Tambahan pula, sejak lima tahun kebelakangan ini, pokok putat telah berkurangan kerana tindakan manusia yang menceroboh kawasan tanah bencah dan tebing sungai untuk tujuan pertanian. Tindakan ini menyebabkan penyelidikan terhadap pokok putat semakin sukar dilakukan terutama untuk mendapatkan akar pokok ini yang dikatakan dapat dikomersialkan sebagai sumber bahan antibakteria. Setakat ini pokok putat belum ditanam oleh masyarakat kampung sebagai tanaman makanan atau sayuran. Amalan pemakanan pucuk putat oleh masyarakat kampung telah membantu mereka kekal sihat sepanjang masa kerana kandungan bahan aktif antioksidan yang sangat tinggi dalam daun putat.

Hasil penyelidikan yang dijalankan juga menunjukkan bahawa bahan aktif yang terdapat dalam produk daun putat bersamaan dengan metadon yang digunakan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan untuk menjalankan proses menyahtoksik dalam kalangan penagih dadah di seluruh pusat serenti di Malaysia. Di samping itu, tumbuhan ini juga berpotensi untuk dijadikan bahan untuk mengurangkan kesakitan sebagaimana morfin. Namun sayangnya, kerja penyelenggaraan dan pendalaman sungai untuk mengelakkan banjir di sesetengah kawasan menyebabkan kita akan kehilangan salah satu sumber ubat-ubatan herba tradisional yang tidak ternilai ini.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada

‘Putat Merawat Ketagihan Dadah’

oleh Lee Seong Wei, Aweng Eh Rak dan Wendy Wee dalam

[Lihat halaman sebelah

Soalan 2(a)- Petikan Umum

Berdasarkan petikan pada **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

(i) Berikan maksud rangkai kata, *sukar diperoleh* berdasarkan petikan di atas. [2 markah]

(ii) Pengarang mengemukakan beberapa punca kepupusan pokok putat.

Nyatakan punca-punca kepupusan pokok putat berkenaan. [3 markah]

(iii) Herba telah dimanfaatkan oleh masyarakat kita sejak zaman-berzaman tetapi produk herba kurang mendapat sambutan.

Pada pendapat anda, mengapakah produk herba kurang mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat kini?

Nyatakan **tiga** sebab berkenaan. [4 markah]

[Lihat halaman sebelah]

Soalan 2(b) – Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Kucintai Sungai Ceper sama seperti kucintai ibu. Ia bermula dari satu titik air dan kemudian berkembang menjadi besar dan akhirnya membentuk dirinya sebagai sebuah sungai yang panjang berliku-liku membawa kejernihan yang benar-benar sejahtera dengan arus yang kuat mendukung ketenteraman. Pasir-pasir yang berbiji halus, batu-batu kerikil yang berkilat mengalir di bawah bersama ikan yang cergas.

Saling tidak tumpah seperti ibu yang rancak ke sana rancak ke sini seperti air terjun. Ibu tidak boleh tinggal diam sepanjang hari, sama seperti air Sungai Ceper yang bergerak bersama ikan, menampar tebing yang berselekeh, memasuki lubuk-lubuk yang dalam.

Ibu juga bergerak di mana saja dia berada. Kalau di baruh, ibulah yang menajak dan menyisir selut. Ibulah yang pikul gemal dan tanam benih-benih itu dengan tulang empat kerat ibu yang tidak pernah tidak bermaya itu. Kelak ibulah yang mengejar burung apabila padi menguning. Dan ibu jugalah yang menuai apabila padi masak sampai habis gemal-gemal itu dijunjung naik masuk jelapang.

Ceper pun serupa. Ia memancutkan airnya begitu deras bagaikan anak panah yang baru saja lepas dari busurnya. Dan pancutan itu menebuk tebing hingga mencipta lubuk yang dalam-dalam, menyusur dasar bersama ikan-ikan yang bercahaya matanya, bersama anak-anak dan bapa-bapa udang, bersama lumut yang lembut kehijau-hijauan dan bercahaya seperti manik-manik dipanah cahaya lampu.

(Dipetik daripada

'Ibu dan Ceper'

oleh Shahnnon Ahmad dalam antologi *Harga Remaja*,

Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan bukti-bukti ibu seorang yang tidak boleh duduk diam?

[2 markah]

- (ii) Bagaimanakah cara untuk meningkatkan taraf hidup pesawah?

Berikan **tiga** cadangan anda.

[3 markah]

- (iii) Huraikan **satu** perwatakan ibu yang terdapat dalam petikan di atas dan **satu** perwatakan ibu daripada keseluruhan cerpen. [4 markah]

[Lihat halaman sebelah

Soalan 2(c) -Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setelah sampai ke taman itu, maka Tuan Puteri Mandu Ratna Dewi berseru-seru, “Adakah nenekku di rumah?” Maka sahut peri itu, “Tikar dan bantal seperti ada orang tidur.” Maka kata segala dayang-dayang itu, “Benarlah kata tuan puteri baharu pula rumah nenekku itu ada tempat ketiduran laki-laki rupanya.” Maka kata peri itu, “Adapun tempat tidur siang hari itu tempat hamba tidur pada malam hari.” Maka ia pun tertawa serta bergurau dan bersenda. Maka tuan puteri pun berbedak dan berlangirlah. Maka ramailah bergosok-gosok. Maka *barang lakunya* tuan puteri itu habis dilihat oleh Raja Indera Bumaya itu. Maka baginda pun berahilah dalam hatinya. Sungguhlah seperti kata peri itu. Maka tuan puteri pun pergilah mandi keluar di dalam cindai itu serta diiringkan oleh segala dayang-dayang dan inang pengasuh sekalian.

Setelah sudah maka Tuan Puteri Mandu Ratna Dewi pun turun mandi. Maka Raja Indera Bumaya pun turun berjalan di tepi kolam itu, seorang pun tiada melihat dia. Maka Raja Indera Bumaya pun berlindung pada pohon kemunting. Maka baginda pun menjadikan dirinya seekor burung bayan terlalu indah-indah rupanya. Syahadan, adapun matanya itu daripada intan dan bulunya itu daripada pusparagam dan kakinya daripada emas. Maka bayan itu pun hinggap pada pohon kemunting itu seraya berbunyiilah terlalu merdunya suaranya.

(Dipetik daripada
“Hikayat Langlang Buana”
dalam antalogi *Dirgahayu Bahasaku*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah maksud *barang lakunya*?

[2 markah]

- (ii) Nyatakan **tiga** keistimewaan burung bayan yang digambarkan dalam petikan.

[3 markah]

- (iii) Pada pendapat anda, mengapakah watak Raja Indera Bumaya digambarkan memiliki kuasa sakti?

[Lihat halaman sebelah

- (i) Apakah maksud *bagai kehijauan daun* dalam sajak di atas? [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, bagaimanakah seseorang remaja dapat menjaga maruah dirinya?
Berikan **dua** cadangan anda. [3 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** persoalan yang terdapat dalam sajak tersebut . [4 markah]

[Lihat halaman sebelah

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab **semua** soalan.

(a) Tulis **satu ayat** bagi tiap-tiap perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) rancang
- (ii) merancang
- (iii) terancang
- (iv) perancang
- (v) rancangan
- (vi) perancangan

[6 markah]

(b) Nyatakan **jenis-jenis ayat** yang disenaraikan di bawah ini.

- (i) Wah, besarnya sungguh rumah kontraktor yang terkenal itu!
- (ii) Ayahnya baru sahaja pulih daripada penyakit paru-paru berair.
- (iii) Apakah punca yang menyebabkan pelajar-pelajar suka ponteng sekolah?
- (iv) Jangan berkawan dengan budak-budak yang menghisap rokok.
- (v) Silakan duduk, saya hendak pergi ke dapur dahulu.

- (vi) Tolong bersihkan bilik tidur kamu sebelum ibu pulang.

[6 markah]

[Lihat halaman sebelah

- (c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat-ayat itu semula.

- (i) Pemain bola sepak yang meletih itu asyik bercekek pinggan sahaja di tengah-tengah padang.
- (ii) Kawala keselamatan yang ketak telah dilakukan oleh pihak berkuasa ketika bersidangan itu berlangsung.
- (iii) Mangsa kes ragot itu mengalami perdarahan di kepala dan masih dalam keadaan koma.

[6 markah]

- (d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah** dan **satu kesalahan bahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat-ayat itu semula.

- (i) Semua orang Islam yang beribadat dalam bulan Ramadan tidak boleh makan dan minum di waktu siang hari.
- (ii) Pertunjukan buku yang sedang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra itu turut disertai oleh banyak penerbit-penerbit dari luar negara.
- (iii) Amalan rasuah dalam kalangan pegawai kerajaan merupakan kesalahan yang serius lalu perlu dihalang hingga ke akar umbi.

[6 markah]

(e) Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti kemudian **nyatakan peribahasa** yang sesuai dengan ayat-ayat tersebut.

- (i) Kita perlulah pandai membawa diri dan menyesuaikan diri apabila berada di tempat orang.
- (ii) Ibu bapa hendaklah mendidik anak-anak sejak kecil lagi jika tidak mahu anak-anak menimbulkan masalah apabila mereka dewasa nanti.
- (iii) Kita janganlah menjadi orang yang asyik mengikut kata orang lain tanpa membuat pertimbangan terlebih dahulu.

[6 markah]

[Lihat halaman sebelah

Soalan 4: Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel- novel yang berikut.

- (i) Kabus di Perbukitan karya Mohd.Kholid Hamzah
- (ii) Kembara Amira karya Amer Hamzah
- (iii) Interlok karya Abdullah Hussain
- (iv) Sutera Dalam Lukisan karya Abd.Talib Hassan
- (v) PAPA ..(akhirnya kau tewas jua!) karya Deanna Yusof
- (vi) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
- (vii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah
- (viii) Renyah karya Gunawan Mahmood

(a) Penggunaan pelbagai teknik plot menghasilkan penceritaan yang menarik dalam sesebuah novel.

Berdasarkan novel yang anda kaji huraikan **dua teknik penceritaan** yang digunakan oleh pengarang.

[7 markah]

(b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **satu** persoalan daripada setiap novel itu.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT